



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

UNTUK ANAK KITA

Laporan Pencapaian
Reformasi Pendidikan 2025

Kandungan

Tentang Kerja Ini

oleh YB Puan Fadhlina Sidek

Pasukan Kementerian Pendidikan Malaysia

Kisah Kejayaan Reformasi Pendidikan

**Dan Sebenarnya,
Ada 5 Lagi Yang Tak Kurang Hebatnya**

Rancangan KPM 2026

Akhir Kata

Tentang Kerja Ini

Tiga tahun Reformasi Pendidikan telah membawa transformasi nyata dalam ekosistem pendidikan negara. Sejak awal, reformasi ini memberi tumpuan kepada usaha menangani kesenjangan pendidikan yang bersifat multidimensi, termasuk isu keciciran, ketidaksamaan akses, kekangan infrastruktur dan isu sistemik yang telah lama membelenggu.

Dalam tempoh singkat ini, banyak langkah-langkah baharu diperkenalkan untuk melonjakkan sistem pendidikan kita agar lebih dinamik, inklusif dan relevan dengan cabaran masa depan. Kita juga telah menyaksikan pencapaian positif dalam penyediaan akses pendidikan yang lebih adil dan pelbagai, merangkumi murid di bandar, luar bandar, pedalaman, komuniti Orang Asli dan Peribumi, murid berkeperluan khas, serta murid daripada keluarga berpendapatan rendah. Usaha ini diperkukuh melalui penambahbaikan sekolah, pembinaan kemudahan baharu serta penyediaan ruang pembelajaran yang lebih kondusif.

Reformasi di peringkat sekolah turut digerakkan melalui pendekatan yang lebih bersasar. Setiap sekolah dikenal pasti keperluan masing-masing, bukannya disamaratakan di bawah satu model yang sama. Hasilnya, semakin banyak sekolah yang menunjukkan peningkatan, manakala bilangan sekolah yang memerlukan intervensi intensif semakin berkurang.

Kemuncak kepada usaha tahun ini ialah kelulusan RUU Pendidikan (Pindaan) 2025, yang memastikan setiap anak Malaysia menerima pendidikan sehingga peringkat menengah, suatu dasar berani yang menzahirkan komitmen negara terhadap hak pendidikan yang lebih saksama.

Melangkah ke hadapan, Kurikulum Persekolahan 2027, Kurikulum Persekolahan Prasekolah 2026 dan Pelan Pembangunan Pendidikan 2026–2035 akan menjadi tonggak penting dalam membentuk arah baharu pendidikan negara untuk dekad seterusnya. Semuanya disusun berasaskan realiti semasa dan keperluan masa depan, namun tetap berpaksikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Perjalanan Reformasi Pendidikan masih jauh dan masih banyak yang perlu kita tempuh. Namun dengan iltizam bersama, semangat yang kukuh dan hala tuju yang jelas, saya yakin bahawa pendidikan negara akan terus melahirkan generasi berilmu, berakhlak dan berintegriti. *We will do better.*

YB Puan Fadhlina Sidek
Menteri Pendidikan Malaysia

Pasukan Kementerian Pendidikan Malaysia

Kami pasukan yang percaya perubahan bermula dengan keputusan kecil yang betul, di tangan guru, di kelas anak kita, di sekolah seluruh Malaysia.



Kisah Kejayaan Reformasi Pendidikan

Sering kita dengar dakwaan bahawa KPM tidak melakukan apa-apa. Hakikatnya, reformasi bergerak setiap hari melalui kerja yang tidak selalu terlihat, tetapi semakin jelas kesannya pada murid dan guru.

PENDIDIKAN WAJIB MENENGAH

Setiap anak Malaysia kini dilindungi undang-undang untuk belajar sekurang-kurangnya hingga Tingkatan 5.

- **1 Rang Undang-Undang** pendidikan - RUU Pendidikan (Pindaan) 2025 - dipinda dan diluluskan Parlimen
- **0 toleransi** terhadap keciciran selepas Darjah 6
- **100% murid** berhak kekal dalam sistem hingga tamat menengah





KEJAYAAN 2

52,948 GURU BAHARU +98% PENGISIAN GURU

Untuk pertama kali dalam bertahun-tahun, hampir setiap kelas di Malaysia akhirnya mempunyai guru yang sepatutnya mengajar.

- **52,948** guru baharu dilantik
- **98%** kadar pengisian guru - tertinggi dalam hampir sedekad
- Matlamat **0** kelas ditinggalkan tanpa guru mengajar subjek sebenar




KEJAYAAN 3

11 INISIATIF SEKOLAH SELAMAT

Keselamatan anak adalah keutamaan kami. Anak kita bukan statistik. Sekolah yang selamat dibina dengan tindakan sebenar, bukan janji.

-
- **11** inisiatif keselamatan dilaksana serentak di seluruh negara
 - **RM5 juta** untuk pemasangan CCTV baharu
 - **10,096** guru & kaunselor baharu mula bertugas
 - **600** pembantu warden asrama dilantik

A photograph of several students in a classroom, looking down at a book or paper. The students are wearing light blue shirts. The background shows a modern school interior with a blue and white geometric ceiling structure.

KEJAYAAN 4

TAKWIM SEKOLAH KEMBALI KE JANUARI

Selepas empat tahun jadual bercelaru akibat pandemik, sekolah akhirnya kembali kepada kalendar yang normal.

- **2026** sesi persekolahan kembali bermula Januari
 - **4 tahun** kekacauan jadual dipulihkan
 - 1 keputusan yang dituntut ibu bapa dan guru sejak **2021**
-

Pemulihan takwim bukan kerja kecil, ia membabitkan peperiksaan, cuti, jadual guru dan operasi sekolah seluruh negara.



KEJAYAAN 5

398,496 MURID KUASAI ASAS 3M

Kami tidak malu mengaku ada murid yang tertinggal akibat pandemik. Kini ribuan murid kembali membaca, menulis dan mengira — asas yang menentukan masa depan mereka.

- **326,051 → 398,496**

Murid yang menguasai 3M selepas intervensi

- **122,062 → 49,677**

Murid yang belum menguasai 3M turun lebih separuh

- **+72,445**

Murid tambahan yang berjaya menguasai 3M



KEJAYAAN 6

REFORMASI BEBAN GURU

Guru bukan pekerja serba boleh yang murah, mereka akhirnya diberi ruang untuk mengajar, tidak lagi menanggung tugas luar akademik.

- **562** Pembantu Guru dilantik
- **600** Pembantu Warden (MySTEP) ditempatkan
- **281** sekolah menengah menerima sokongan operasi
- **3** perkara sahaja kini perlu ditulis dalam Rancangan Pengajaran Harian (RPH) baharu



KEJAYAAN 7

SEKOLAH BAHARU TERBANYAK & PEMULIHAN SEKOLAH DAIF

Anak kita kini belajar di fasiliti yang layak untuk manusia, bukan bangunan usang yang kita warisi bertahun-tahun.

- **44** sekolah baharu dibina pada 2025 - rekod tertinggi
- **44** projek sekolah daif siap pada 2025

Murid kini belajar di bilik darjah yang selamat, tandas yang bersih, makmal yang berfungsi, dan kemudahan yang benar-benar layak.

PENAMBAHAN PRASEKOLAH SELURUH NEGARA

Pendidikan awal yang berkualiti tinggi kini lebih mampu milik dan lebih dekat dengan semua keluarga.

- **Prasekolah KPM diperluas** ke SK, SMK, KV & IPG (bukan SK sahaja)
- **Ratusan ringgit** sebulan dijamin oleh ibu bapa
- Akses meningkat di kawasan bandar, luar bandar dan pedalaman





KEJAYAAN 9

SEKOLAH K9 & K11: 0% KECICIRAN

Anak pedalaman kekal belajar hingga tamat.

- **22** sekolah K9 baharu
- **5** sekolah K11 baharu
- **100%** murid terkesan dikekalkan

K9: Murid kekal di sekolah yang sama dari Darjah 1 hingga Tingkatan 3

K11: Murid kekal di sekolah yang sama dari Darjah 1 hingga Tingkatan 5



KEJAYAAN 10

KURIKULUM BERAT DISELESAIKAN & KURIKULUM 2027 DIBINA

Kami tidak berpura-pura semuanya sempurna. Kurikulum lama memang terlalu padat dan tugas kami adalah memperbaikinya, segera dan setulus mungkin.

-
- **2024** - Dokumen Kurikulum 3.0 diterbitkan
 - **2027** - Kurikulum Persekolahan Baharu dilancarkan
 - **3 keutamaan baharu:** Asas kukuh, beban berkurang, pembelajaran lebih bermakna

Dan Sebenarnya, Ada 5 Lagi Yang Tak Kurang Hebatnya

Selain 10 kejayaan itu, sebenarnya ada banyak lagi pencapaian yang signifikan. Untuk permulaan, ini lima yang patut anda tahu dahulu.



(LAGI) KEJAYAAN

TVET: 99% KEBOLEHPASARAN + DANA DINAIKKAN BUAT KALI PERTAMA DALAM 22 TAHUN

TVET bukan lagi pilihan kelas kedua.
Anak anda kini mempunyai laluan kerjaya
yang jauh lebih bernilai dan lebih terjamin.

-
- **99%** kebolehpasaran graduan TVET
 - **+15%** peningkatan dana Geran Per Kapita (PCG)TVET
 - **22 tahun** kali pertama kadar PCG disemak semula
 - **>RM900 juta** jumlah peruntukan

(LAGI) KEJAYAAN

RM100 JUTA BANTUAN AWAL PERSEKOLAHAN DILUASKAN HINGGA TINGKATAN 6

Buat pertama kali, pelajar Tingkatan 6 tidak lagi dianaktirikan, mereka kini menerima bantuan yang selayaknya.

-
- **RM100 juta** jumlah bantuan
 - **Tingkatan 6** kini turut menerima manfaat
 - **1 keluarga** → satu sokongan tambahan untuk ringankan beban awal tahun






(LAGI) KEJAYAAN

RM430 → RM530 ELAUN IPG DINAIKKAN

Setiap guru bermula sebagai pelatih. Kenaikan elaun IPG ini memberi mereka ruang bernafas dan rasa dihargai sejak langkah pertama mereka memilih untuk mendidik anak bangsa.

• RM430 → RM530

- Kenaikan elaun pelatih IPG
- **+RM100** setiap bulan
- Lebih ramai pelatih berkualiti memasuki sistem



(LAGI) KEJAYAAN

BAUCAR BUKU MADANI: MENGHIDUPKAN BUDAYA MEMBACA

Dengan Baucar Buku MADANI, membeli buku tidak lagi menjadi beban. Ia menggalakkan anak-anak kembali membaca dan memberi guru ruang untuk terus menanam kecintaan terhadap ilmu.

- **RM50** untuk murid Tahun 4 – Tahun 6
- **RM100** untuk murid sekolah menengah, pelajar IPT & pelatih IPG
- **RM100** untuk semua guru

(LAGI) KEJAYAAN

PENDIDIKAN INKLUSIF: PENGESANAN AWAL & SOKONGAN RM150 SEBULAN

Pengesanan dan intervensi murid berkeperluan khas diperkukuh di semua peringkat.

- Saringan awal dari usia 4 tahun melalui ProsPIM dan PROSPER
- Sokongan diperkukuh melalui pusat 3PK, kelas PPKI dan 11 Pusat PERMATA baharu
- Elaun RM150 sebulan untuk murid OKU bagi meringankan beban keluarga



Rancangan Kementerian Pendidikan Malaysia 2026

Reformasi tidak berhenti pada pencapaian. Rancangan KPM 2026 menetapkan langkah seterusnya untuk memastikan perubahan terus bergerak.

Rancangan KPM 2026

1. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2026–2035

Hala tuju baharu pendidikan negara untuk satu dekad akan datang.

2. Kurikulum Baharu 2027 bermula di Prasekolah

Perubahan kurikulum dimulakan dari awal, sebelum diperluas ke semua peringkat.

3. 41 Sekolah Baharu Dibina

Sekolah ditambah di kawasan kritikal untuk kurangkan isu sekolah padat dan jurang akses.

4. 520 Projek Sekolah Daif Diluluskan

Sekolah uzur dibina semula supaya murid belajar dalam persekitaran yang selamat dan bermaruah.

5. 350 Kelas Prasekolah Baharu

Pendidikan awal diperluas akses agar lebih ramai kanak-kanak bermula dengan asas yang kukuh.

6. RM860 Juta untuk Penyelenggaraan Sekolah

Tandas, kantin, musolla dan bilik guru dibaiki supaya sekolah berfungsi seperti sepatutnya.



Akhir Kata

Reformasi Pendidikan ialah perjalanan yang panjang dan memerlukan keberanian untuk membetulkan asas serta kesabaran untuk melihat hasilnya. Perubahan yang berlaku setakat ini hadir daripada usaha bersama guru, pemimpin sekolah, pegawai, ibu bapa dan murid di seluruh negara.

Masih banyak yang perlu disempurnakan, namun arah pembaikan semakin jelas. Kami komited meneruskan kerja ini dengan prinsip bahawa pendidikan mesti membuka ruang dan memperkukuh masa depan anak-anak kita.

Apa yang berlaku di bilik darjah hari ini akan membentuk negara pada masa depan. Tugas kami ialah memastikan setiap murid mempunyai peluang untuk berkembang.

Untuk anak kita.

Untuk masa depan negara.

Kementerian Pendidikan Malaysia

